

Kutu air higienik hasilkan benih ikan berkualiti

UM 26/09/22 M/S 29

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

JELBU: *Moina* sp. ataupun disebut sebagai kutu air merupakan sejenis makanan hidup yang menjadi makanan awalan buat benih ikan atau udang khususnya yang diternak oleh pengusaha akuakultur termasuk di negara ini.

Bagi meningkatkan industri akuakultur di negara ini, pihak Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami Lemi di sini membangunkan teknologi penternakan kutu air ini secara intensif dan higienik.

Usaha dijalankan sejak tahun 2016 itu juga bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada *Artemia* spp. atau brine shrimp import yang sejak sekian lama dijadikan makanan kepada ikan yang diternak oleh pengusaha-pengusaha di negara ini.

Pegawai Penyelidik IPP Glami Lemi, Hanan Mohd. Yusof berkata, ekoran kebergantungan terhadap *Artemia* spp. me-



HANAN Mohd. Yusof menunjukkan *Moina* sp. yang diternak dan sedia untuk dituai ketika ditemui di Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami Lemi, Jelbu. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

nyebabkan permintaan terhadapnya adalah tinggi sekali gus menyebabkan harganya turut meningkat.

Keadaan tersebut juga secara tidak langsung meningkatkan

kos operasi pengusaha penetasan dan benih ikan di negara ini.

"Selama ini, mereka menggunakan *Artemia* yang diimport dari luar negara khususnya

dari Amerika Syarikat, harganya sekarang sudah meningkat mencecah sehingga RM500 bagi setiap tin 425 gram.

"Oleh itu, *Moina* sp. atau kutu air ini merupakan alternatif, malah, penghasilannya dapat mengurangkan kos penternakan sehingga 60 peratus," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Hanan dalam pada itu memberitahu, teknologi penternakan secara intensif dan higienik yang dijalankan itu juga adalah bagi mengatasi isu amalan perolehan kutu air liar yang sering didapati dari sumber tidak bersih seperti kolam kumbahan dan parit-parit kotor.

"*Moina* sp. semula jadi ini mendatangkan penyakit kepada benih ikan, sekali gus merencatkan pengeluaran benih ikan di pusat pembiakan.

"Oleh itu, *Moina* higienik sememangnya sesuai dijadikan makanan kepada benih ikan dan udang kerana ia bersih dan bebas risiko bawaan penyakit," ujarnya.